



PEMBUDAYAAN

# NORMA BAHARU DALAM KOMUNITI

BAGI MENCEGAH PENULARAN COVID-19

# KANDUNGAN

# NORMA BAHARU DALAM KOMUNITI

BAGI MENCEGAH PENULARAN COVID-19

— Kerangka Mencegah Penularan COVID-19	2
— Konsep Pembudayaan Norma Baharu	3
— Strategi Kerajaan Dalam Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)	4
— Komuniti Sebagai <i>Frontliner</i>	5
— Anda kini adalah <i>Frontliner</i> ...	6
— Strategi Norma Baharu	7
1. Kawalan Sempadan	
2. Kawalan Pergerakan	
3. Penjarakan Fizikal Elak 3S / 3C	
Penjarakan Fizikal 1 Meter	
4. Perlindungan Diri	
— Tindakan Keluarga	13
— Tindakan Komuniti	14
— Tindakan Institusi Pendidikan	15
— Tindakan di Tempat Kerja	18
— Tindakan di Masjid	20
— Tindakan di Rumah Ibadat	21
— Penjagaan Kumpulan Berisiko	22
— Tindakan Pusat Penjagaan Warga Emas	24
— Tanggungjawab Sosial Komuniti	25
— Pesanan Kerajaan	26

» Kejayaan kita memerangi **COVID-19**  
dalam fasa pemulihan ini adalah  
bergantung kepada diri kita sendiri.  
Ia bergantung kepada **kesedaran**  
**kita, sikap kita dan amalan kita.** «

YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN  
BIN HAJI MOHD YASSIN  
PERDANA MENTERI MALAYSIA



# KERANGKA MENCEGAH PENULARAN COVID-19

## MATLAMAT

MELINDungi RAKYAT MALAYSIA  
DARIPADA JANGKITAN COVID-19

## KEBERHASILAN

PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU

### SETTING UTAMA

KOMUNITI

INSTITUSI  
PENDIDIKAN

TEMPAT IBADAT/  
REKREASI/  
PUSAT KOMERSIAL

TEMPAT  
KERJA

FASILITI  
KESIHATAN

### PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDERS)

KERAJAAN NEGERI

PEJABAT DAERAH

PEJABAT KESIHATAN

### STRATEGI

#### DISTRICT RISK REDUCTION PROGRAM (DRRP)

KAWALAN  
SEMPADAN

KAWALAN  
PERGERAKAN

PENJARAKAN  
FIZIKAL

PERLINDUNGAN  
DIRI

### PENDEKATAN UTAMA (CAPP)

CEGAH DAN DIDIK

AMAL

PATUH

PANTAU

# KONSEP PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU

Pembudayaan norma baharu menggunakan pendekatan CAPP dengan mensasarkan individu, keluarga dan komuniti dalam mencegah penularan COVID-19.

**C** -

**Cegah** COVID-19 dengan mendidik keluarga serta komuniti norma baharu kehidupan

**A** -

**Amalkan** tingkah laku bagi mengelakkan diri, keluarga dan komuniti daripada jangkitan COVID-19

**P** -

**Patuhi** SOP pengoperasian sektor-sektor utama negara dan lain-lain arahan kerajaan

**P** -

**Pantau** status kesihatan diri dan keluarga, segera dapatkan rawatan jika bergejala. Lakukan saringan suhu badan dan gejala sebelum memasuki tempat kerja, institusi pendidikan, pusat jagaan seperti rumah orang tua



# STRATEGI KERAJAAN DALAM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

10 Jun - 31 Ogos 2020

YAB Perdana Menteri dalam ucapan beliau pada 9 Jun 2020 mengenai tujuh (7) strategi Kerajaan dalam PKPP menegaskan kepentingan komuniti diperkasakan bagi memastikan pematuhan kepada semua arahan Kerajaan dan SOP yang telah ditetapkan bagi memastikan rantaian COVID-19 dapat diputuskan.



# KOMUNITI SEBAGAI **FRONTLINER**

Dalam membendung pandemik COVID-19, kerajaan telah mengambil pelbagai usaha antaranya menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di mana pelbagai agensi kerajaan secara bersepada telah bertindak sebagai *frontliner*. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menetapkan negara yang hendak menamatkan perintah kawalan pergerakan perlu memenuhi enam **(6) kriteria** TERMASUK perlu melibatkan dan memperkasakan komuniti agar sentiasa mengamalkan norma baharu.

# 6

KRITERIA

- 
- 1** Penularan jangkitan boleh dikawal
  - 2** Sistem perkhidmatan kesihatan berfungsi sepenuhnya
  - 3** Risiko wabak di fasiliti khas diminimakan
  - 4** Langkah kawalan di tempat penting yang kerap dikunjungi orang ramai diperkuuhkan
  - 5** Risiko kes import dapat diuruskan
  - 6** Penglibatan dan pemerkasaan komuniti bagi membudayakan norma baharu

Tiba masanya komuniti perlu bertindak sebagai *frontliner* dan agen utama bagi membantu kerajaan memutuskan rantaian COVID-19.

# **ANDA KINI ADALAH FRONTLINER...**



# STRATEGI NORMA BAHARU

01

## KAWALAN SEMPADAN

1. Saringan kesihatan di Pintu Masuk Antarabangsa
2. Saringan suhu dan gejala di pintu masuk premis

02

## KAWALAN PERGERAKAN

1. Elakkan ke kawasan berisiko (terdapat kes/ kluster/ kawalan pergerakan)
2. Gunakan *Hotspot tracker* dalam MySejahtera untuk kenalpasti kawasan berisiko

03

## PENJARAKAN FIZIKAL

- Sekurang-kurangnya 1 meter antara individu
- Elakkan 3S/ 3C

04

## PERLINDUNGAN DIRI

- Jaga kebersihan diri
- Pakai pelitup muka
- 3W

# 1. KAWALAN SEMPADAN

## KAWALAN SEMPADAN NEGARA

- Tidak membenarkan kemasukan dari luar negara semasa fasa PKP
- Saringan demam dan gejala jangkitan saluran pernafasan ke atas mereka yang masuk ke negara melalui Pintu Masuk Antarabangsa (PMA)
- Pengembara menjalani kuarantin




## KAWALAN SEMPADAN PREMIS



- Saringan suhu dan gejala jangkitan saluran pernafasan
- Memastikan yang sihat sahaja boleh masuk premis

## CHECK-IN MENGGUNAKAN APLIKASI MySejahtera

- Pintu masuk antarabangsa
- Pintu masuk premis




## 2. KAWALAN PERGERAKAN

### SEMASA PKP

- Larangan pergerakan, perhimpunan, aktiviti luar rumah
- Penutupan operasi di pejabat, sekolah dan industri kecuali perkhidmatan perlu (*essential services*)



### SEMASA PKPP



- Jangan pergi ke kawasan berisiko jangkitan iaitu ada kes atau kluster COVID-19

### PATUHI ARAHAN KUARANTIN



- Mereka yang diberi surat perintah pengawasan dan pemerhatian
- Contoh: kontak kepada kes positif

### GUNAKAN APLIKASI MySejahtera UNTUK SEMAK KAWASAN BERISIKO JANGKITAN

- Hotspot tracker



### 3. PENJARAKAN FIZIKAL ELAK 3S / 3C


**TEMPAT YANG SESAK**  
*CROWDED PLACES*



**TEMPAT YANG SEMPIT**  
**DAN TERTUTUP** *CONFINED SPACES*



**SEMBANG DEKAT**  
*CLOSE CONVERSATION*




# PENJARAKAN FIZIKAL

## 1 METER

- COVID-19 disebarluaskan melalui titisan pernafasan apabila bercakap, bersin atau batuk

- Jarakkan diri sekurang-kurangnya 1 meter antara satu sama lain.




Membeli barang keperluan di pasar raya



Menggunakan kemudahan perkhidmatan awam




Membeli ubat di farmasi



Jarak 2 meter antara meja/gerai



Membuat urusan di ATM / bank



Membuat urusan di stesen minyak

# 4. PERLINDUNGAN DIRI

## AMALKAN 3W

### WASH



- Kerap cuci tangan dengan air dan sabun atau guna *hand sanitizer*



### WEAR

- Pakai pelitup muka apabila perlu pergi ke tempat yang sesak dan penjaraikan fizikal tidak dapat dilakukan

### WARN



- Jangan bersalaman atau bersentuhan

- Amalkan etika batuk dan bersin yang betul

- Lakukan disinfeksi

- Dapatkan rawatan jika bergejala

# TINDAKAN KELUARGA KEKAL BEBAS COVID-19



Muat turun, daftar dan gunakan aplikasi MySejahtera untuk diri dan keluarga anda



Hadkan pelawat/pengunjung



Amalkan etika batuk dan bersin yang betul



Kerap cuci tangan dengan air dan sabun



Sentiasa lakukan disinfeksi di rumah



Amalkan pembelian dan pembayaran dalam talian




Pantau status kesihatan diri dan keluarga (gejala COVID-19)



Penjagaan khusus kepada warga emas dan berpenyakit kronik



Dapatkan rawatan segera jika bergejala



Duduk di rumah jika tiada urusan penting di luar. Sekiranya perlu keluar, pakai pelitup muka dan jarakkan diri 1 meter daripada orang lain.


# TINDAKAN KOMUNITI KEKAL BEBAS COVID-19



Gerakkan jawatankuasa penduduk sedia ada sebagai penggerak aktiviti pencegahan di komuniti



Had dan rekod pergerakan keluar masuk pelawat dan penduduk setempat



Pastikan jarak fizikal dan amalkan kebersihan tangan



Hebahan kepatuhan SOP



Hebahan pendidikan kesihatan tentang langkah-langkah pencegahan COVID-19



Promosikan MySejahtera kepada komuniti supaya dimuat turun, daftar dan digunakan untuk diri dan keluarga



Laporkan kepada ketua komuniti / polis sekiranya terdapat aktiviti berkumpulan



Lapor sebarang kes disyaki COVID-19 kepada pihak berkuasa



Motivasi kepada komuniti supaya kawasan kekal hijau (tiada kes)

# TINDAKAN INSTITUSI PENDIDIKAN

## TANGGUNGJAWAB IBU BAPA

**Mendidik anak amalan batuk dan bersin yang betul**



**Menasihati anak mengamalkan penjarakan fizikal**



**Mengajar anak langkah mencuci tangan dengan betul**




**Memastikan anak tidak ke sekolah jika bergejala dan rujuk ke klinik untuk rawatan**



# TINDAKAN INSTITUSI PENDIDIKAN

## TANGGUNGJAWAB WARGA SEKOLAH

Saringan kesihatan di pintu masuk  
(*gate keeping*)



Tiada aktiviti yang melibatkan perhimpunan




Kerap mencuci tangan dengan air dan sabun / *hand sanitizer*




Lakukan pembersihan pada permukaan yang kerap disentuh

Pematuhan penjarakan fizikal seperti di :


- bilik PdP
- bilik mesyuarat
- dewan makan asrama
- pondok menunggu



Buka tingkap dan pintu bilik PdP bagi pengudaraan yang baik



Amalan etika batuk dan bersin yang betul



Tandas sekolah sentiasa bersih dan sabun disediakan

# TINDAKAN INSTITUSI PENDIDIKAN

## TANGGUNGJAWAB PENGUSAHA KANTIN

Pengendali makanan hendaklah dalam keadaan bersih



Memastikan pengendali makanan memakai pelitup muka

Memastikan pematuhan penjarakan fizikal di kaunter



1 Meter



Menyediakan sabun /  
*hand sanitizer*



Melakukan saringan kesihatan kepada pengendali makanan

Mereka yang bergejala tidak dibenarkan datang dan segera mendapatkan rawatan




Menjual makanan berbungkus di dalam bekas yang bertutup

# TINDAKAN DI TEMPAT KERJA

## TANGGUNGJAWAB MAJIKAN


Saringan kesihatan  
di pintu masuk  
(*gate keeping*)



*Check-in*  
menggunakan  
MySejahtera



Lakukan  
pembersihan  
pada permukaan  
yang kerap  
disentuh




Sediakan  
kemudahan  
cuci tangan  
atau *hand  
sanitizer*

Sediakan  
bilik isolasi



Tandas  
sentiasa  
bersih  
dan sabun  
disediakan



Nasihatkan pekerja untuk  
mengamalkan cara pencegahan:

- Pakai pelitup muka.
- Cuci tangan dengan kerap.
- Amalkan etika batuk dan bersin yang betul.



Pastikan pekerja  
mendapat rawatan  
segera sekiranya  
bergejala

# TINDAKAN DI TEMPAT KERJA

TANGGUNGJAWAB PEKERJA

## PENJARAKAN FIZIKAL DI TEMPAT KERJA

Amalkan etika batuk dan bersin yang betul

Kerap cuci tangan dengan air dan sabun atau guna *hand sanitizer*


Berada di rumah jika sakit

Sentiasa disinfeksi permukaan yang kerap disentuh

Tingkatkan aliran udara dengan membuka tingkap


Pastikan jarak sekurang-kurangnya 1 meter dengan pekerja lain

Elakkan berkongsi makanan di tempat kerja



# TINDAKAN DI MASJID

## TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN MASJID



Kapasiti ditambah secara berperingkat dari semasa ke semasa



Pembukaan dimulakan bagi warganegara terlebih dahulu



Muslimah dibenar untuk ke masjid dan surau dengan syarat bersama mahram



Warga emas yang sihat dibenarkan hadir



Kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah, jemaah bergejala atau menghidap penyakit kronik tidak dibenarkan hadir



Ruang tertentu dibuka untuk mereka yang singgah solat, seperti musafir, pemandu dan rider e-hailing



Kuliah Subuh dan kuliah Maghrib boleh dijalankan dengan mematuhi syarat



Jamuan makan selepas kuliah tidak dibenarkan



Akad nikah boleh dijalankan di masjid tetapi hendaklah mengikut SOP yang ditetapkan

**NOTA : Pengurusan rumah ibadat Islam perlu merujuk kepada SOP yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing dari semasa ke semasa**

# TINDAKAN DI RUMAH IBADAT

## TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN



Penganut yang menghidap penyakit kronik, warga emas dan kanak-kanak tidak dibenarkan hadir



Menyediakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, merekod kehadiran dan menggunakan *hand sanitizer*



Penganut diwajibkan membawa kad pengenalan diri dan memakai pelitup muka



Hadkan bilangan penganut dalam rumah ibadat pada satu-satu masa



Laksanakan penjarakan fizikal di dalam dan di luar rumah ibadat


Tiada upacara keramaian, perarakan dan sebarang perhimpunan. Pastikan penganut terus bersurai selepas upacara keagamaan.



Sebarang aktiviti berjadual seperti kelas keagamaan dan kebudayaan perlu mematuhi SOP yang ditetapkan.



Penggunaan tandas dihadkan mengikut jumlah bilik tandas yang ada pada satu-satu masa.



## TANGGUNGJAWAB PENGANUT

Tidak berkongsi peralatan dan bahan sembahyang.




Tidak bersalaman dan bersentuhan.



Tidak menyediakan jamuan makanan.

# PENJAGAAN KUMPULAN BERISIKO



# PENJAGAAN KUMPULAN BERISIKO

## TANGGUNGJAWAB KELUARGA

Mereka Mudah Untuk Mendapat Jangkitan Dan Komplikasi Yang Lebih Serius

### ANAK ATAU PENJAGA YANG TINGGAL BERSAMA PASTIKAN:



Barang keperluan harian mencukupi



Bekalan ubatan mencukupi dan patuhi temujanji rawatan



Mendapat rawatan segera jika sakit



Memberi sokongan psikologi

Kerap cuci tangan dengan air dan sabun



Guna tisu apabila batuk dan bersin



Pakai pelitup muka jika bergejala



Jarak fizikal sekurang-kurangnya 1 meter



### ANAK ATAU PENJAGA YANG TINGGAL BERJAUHAN PASTIKAN:



Barang keperluan harian mencukupi



Bekalan ubatan mencukupi dan patuhi temujanji rawatan



Kekal berhubung walaupun berjauhan




Memberi sokongan psikologi




Mendapat rawatan segera jika sakit

# TINDAKAN PUSAT PENJAGAAN WARGA EMAS



# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KOMUNITI



- Komuniti sebagai mata dan telinga Kerajaan
- Laporkan sebarang ketidakpatuhan SOP kepada
  - i) Pejabat Kesihatan Daerah, atau
  - ii) Polis Diraja Malaysia
- Contoh :
  - Orang yang diletakkan di bawah perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah KELUAR dari tempat pengawasan (kuarantin)
  - Tidak memakai pelitup muka di tempat-tempat yang diwajibkan memakainya



# PESANAN KERAJAAN

## TANGGUNGJAWAB KITA SEMUA MEMASTIKAN NEGARA BEBAS COVID-19

Mainkan peranan anda sebagai *frontliner*:

- Jaga diri, keluarga, komuniti, kawasan anda dan negara
- Sentiasa amalkan norma baharu
- Patuhi SOP dan arahan Kerajaan



# IMBAS KOD QR

Untuk maklumat lanjut,

**MKN**



(SOP)

**KKM**



(COVID-19)

**Infosihat**



(BAHAN PENDIDIKAN  
COVID-19)

Untuk memuat turun,



**MySejahtera**



GooglePlay



Appstore



Apps Gallery



**Terima kasih di atas  
keprihatinan anda terhadap  
kesihatan dan keselamatan  
diri, keluarga dan komuniti**



Diterbitkan oleh:  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA